

Imigresen selamat 3 amah dipaksa bekerja kilang tanpa gaji penuh

Johor Bahru: Tiga pembantu rumah warga Indonesia bukan sahaja dipaksa bekerja di kilang milik majikan pada waktu siang, malah tidak dibayar gaji penuh seperti ditawarkan sejak mula bekerja dua tahun lalu.

Kesengsaraan ditempuh tiga wanita berusia di antara 24 hingga 33 tahun itu berakhir apabila mereka diselamatkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor dalam operasi khas terhadap sebuah premis perniagaan dekat Taman Mount Austin di sini, kelmarin.

Pengarah Imigresen Negeri Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus, berkata siasatan awal mendapati mangsa perdagangan manusia itu dipaksa bekerja di kilang milik majikan sendiri pada waktu pagi dan bekerja di kediaman majikan selepas tamat bekerja di kilang.

Beliau berkata, pasport semua mangsa disimpan oleh majikan, malah pergerakan mereka dihadkan selain dikenakan sekatan komunikasi untuk berhubung dengan keluarga.

“Semua mangsa dilaporkan sudah bekerja sebagai pembantu rumah di antara setahun hingga dua tahun.

“Berdasarkan pengakuan awal, mangsa dijanjikan gaji sebanyak RM1,800 sebulan, namun tidak menerima sepenuhnya sejak bekerja hingga ke hari ini.

“Ketika operasi dijalankan, ketiga-tiga mangsa itu sedang bekerja di premis berkenaan, sebelum

kita berjaya menyelamatkan mereka,” katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Mohd Rusdi berkata, susulan kejadian itu, majikan mereka seorang lelaki dan dua wanita tempatan berusia di antara 31 hingga 62 tahun ditahan untuk siasatan mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

(ATIPSOM) 2007 (Akta 670).

Katanya, operasi menyelamat itu membabitkan 24 pegawai penguat kuasa JIM Johor menggunakan pendekatan mengenal pasti mangsa perdagangan orang dalam kalangan golongan rentan berpandukan National Guideline on Human Trafficking Indicators (NGHTI) 2.0.

“JIM Johor menegaskan, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana majikan yang mengambil kesempatan ke atas pekerja asing melalui paksaan, ugutan atau eksploitasi,” tegasnya.



Mohd Rusdi Mohd Darus